Sistem Bahasa

Praktis 1

Isi tempat kosong dengan penjodoh bilangan yang sesuai.

jambak	bilah	gulung	buah	kawan

1 Kaveri membeli se_____ jam tangan dari kedai itu.

2 Sempena Hari Guru, Lina menghadiahkan se_____ bunga ros kepada cikgu kesayangannya.

3 Norlina membeli se_____ tikar untuk diberikan kepada ibunya.

4 Ibu menggunakan se_____ pisau untuk memotong daging.

5 Se_____ burung yang berbulu biru itu terbang tinggi di udara.

LIVEWORKSHEETS

Praktis 2

Isi penjodoh bilangan yang sesuai bagi melengkapkan cerita di bawah.

Pada cuti sekolah yang lalu, sekolah saya telah mengadakan satu lawatan ke Zoo Negara. Lawatan ini disertai oleh beberapa (1) _____ murid dan guru. Ibu telah menyediakan (2) _____ kasut baharu dan (3) _____ payung untuk saya. Kami bertolak pada pukul 7.00 pagi dengan menaiki (4) _____ bas yang disewa khas. Kami tiba di Zoo Negara pada pukul 8.00 pagi.

Di dalam zoo terdapat pelbagai jenis binatang seperti singa, gajah, zirafah, monyet, burung dan sebagainya. Binatang liar dikurung di dalam sangkar sementara binatang jinak dibiarkan bebas. Suasana di dalam zoo riuh-rendah dengan bunyi binatang dan kicauan burung. (5) _____ rusa sedang memakan rumput yang diberikan oleh penjaga di Zoo Negara.

Kami sempat menyaksikan satu pertunjukan gajah dan ular di Zoo Negara. Kami gembira melihat beberapa (6) _____ gajah bermain bola dan ular menari mengikut bunyi serunai. Saya sempat mengambil beberapa (7) _____ gambar sebagai kenang-kenangan.

Selepas itu, kami berehat seketika di (8) _____ pondok yang disediakan khas untuk pelawat. Cikgu telah membelikan kami (9) _____ air sirap dan (10) _____ kuih untuk mengisi perut.

Pada pukul 5.00 petang, kami bertolak pulang. Walaupun penat kerana seharian menghabiskan masa berjalan-jalan di sekitar Zoo Negara, namun raut wajah riang kami kelihatan terpancar.

Scanned with CamScanner
LIVEWORKSHEETS